

## ADDENDUM

kepada

Garis panduan berkaitan tanggungjawab mengemukakan butiran bayaran kepada ejen, pengedar atau pengagih dalam Borang CP 58 bagi maksud peruntukan di bawah seksyen 83A Akta Cukai Pendapatan 1967( ACP 1967)

1. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia(LHDNM) telah bersetuju perkara-perkara seperti dinyatakan di bawah tidak dianggap sebagai insentif berbentuk wang tunai atau insentif bukan berbentuk wang tunai kepada ejen, pengedar atau pengagih yang menerimanya.

Antara insentif-insentif berkenaan ialah:

- 1.1 Malam Apresiasi yang dianjurkan oleh syarikat di Malaysia untuk menghargai sumbangan ejen, pengedar atau pengagih yang telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Acara ini mungkin termasuk acara makan malam misalnya *Gala Dinner*, hiburan, penginapan yang disediakan untuk ejen, pengedar atau pengagih yang dijemput.
- 1.2 Acara makan malam atau hiburan yang disediakan oleh syarikat di Malaysia sempena perayaan iaitu perayaan Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Christmas, ulang tahun syarikat dan perayaan-perayaan lain.
- 1.3 Konvensyen yang dianjurkan khususnya untuk ejen-ejen seperti sesi latihan kepimpinan, sesi pengurusan dan aktiviti-aktiviti lain untuk tujuan meningkatkan jualan yang bukan merupakan sebahagian daripada program atau pakej perjalanan dalam Malaysia yang telah dianggap sebagai insentif bukan tunai sekiranya konvensyen, latihan atau acara-acara lain tersebut diadakan di Malaysia.
- 1.4 Oleh itu, CP 58 tidak perlu dikeluarkan untuk insentif-insentif seperti dinyatakan di atas.

Disediakan oleh:

Jabatan Dasar Percukaian

15 Ogos 2013.